

BAB KEDUA

BAB KEDUA

REMAJA MENURUT PERSPEKTIF PSIKOLOGI DAN HUKUM ISLAM

2.1 Pendahuluan

Fenomena mengenai remaja merupakan suatu isu yang perlu dikaji dan diteliti oleh semua pihak kerana ia merupakan sebahagian daripada penelitian terhadap tabiat dan perkembangan manusia. Dengan demikian, kita akan dapat mengenali sebahagian dari sifat-sifat manusia yang berkaitan dengan tingkah laku masyarakat khususnya dalam kita mengenali punca-punca sesuatu permasalahan yang berlaku dalam masyarakat seperti kes-kes yang membabitkan konflik remaja.

Dalam membincangkan tentang sesuatu polemik yang berkaitan dengan remaja, persoalan mengenai mereka perlu dilihat dalam semua aspek sama ada yang menyentuh bidang kemanusiaan atau pun keagamaan. Dalam erti kata lain, kepentingan menggabungkan kedua-dua aspek dan pendekatan ilmu yang berbeza ini akan dapat menghasilkan formula-formula yang berkesan di dalam menyelesaikan sesuatu isu yang berkaitan dengan mereka.

Dalam menjalankan kajian tentang permasalahan remaja dalam kes "pengabaian Solat Fardu" penulis telah mengambil kira kedua-dua aspek dan pendekatan tersebut. Pendekatan kemanusiaan adalah dirujuk kepada teori dan ilmu psikologi yang membincangkan secara khusus sifat dan tabiat remaja dari pelbagai sudut sementara teori-teori keagamaan seperti Ilmu Fiqh dan Usul

Fiqh dijadikan sebagai landasan teori untuk membincangkan isu sebenar yang berkaitan dengan mereka .

Kepentingan membincangkan konsep remaja dari aspek psikologi dapat dilihat dari sudut penyediaan data- data dan maklumat yang diperlukan dalam kajian ini .Permerolehan data- data ini dianggap sebagai suatu tugas penting untuk menjelaskan konsep remaja dalam erti kata yang sebenar.Apa yang pasti , kajian – kajian tentang remaja yang dibuat berdasarkan teori- teori ilmu psikologi sebenarnya telah menyediakan landasan awal untuk membincangkan konsep remaja menurut hukum – hukum Islam .

2.2 Definisi remaja

2.2.1 Definisi remaja menurut Bahasa

Remaja menurut pengertian bahasa Melayu bermaksud seorang kanak-kanak yang sudah mulai dewasa atau sudah cukup umur untuk berkahwin¹. Namun demikian, terdapat beberapa istilah khusus yang biasa dikaitkan dengan remaja. Antaranya ialah panggilan belia, anak muda dan orang muda. Istilah lain yang sering digunakan untuk menerangkan sifat umum yang ada pada remaja itu sendiri adalah seperti baligh dan matang. Kadang-kadang perkataan *juvenile* pun sering disebut kerana ia berkaitan dengan remaja.²

Dalam bahasa Inggeris, istilah yang sinonim dengan perkataan remaja ialah *adolescence* yang bererti masa remaja.³ *Adolescence* adalah istilah yang diambil daripada perkataan latin iaitu *adolescere* yang bererti meningkat beransur-ansur kepada kemantangan tubuh badan, jantina, emosi dan akal. Menurut pengertian ini, zaman remaja dilihat sebagai suatu proses dan bukannya suatu jangka masa. Proses yang dimaksudkan di sini ialah proses mencapai atau memperolehi sikap dan kepercayaan yang diperlukan untuk penglibatan yang berkesan di dalam masyarakat.⁴

¹ Teuku Iskandar (1996), *Kamus Dewan*, edisi ketiga . Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka , h. 1121.

² Mohd. Amin H.A. Shariff (1998), *Perkembangan Remaja , Pandangan .Pemahaman dan Interpretasi* , c.1. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka , h. 2.

³ Prof. A.H. Johns (1991), *Kamus Inggeris Melayu Dewan – An English – Malay Dictionary* , c.1. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka , h. 22.

⁴ Jas Laile Suzana Jaafar (2000), *Psikologi Kanak – Kanak dan Remaja* , c.2. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka : h. 111.

Dalam bahasa ‘Arab , istilah yang digunakan untuk menerangkan maksud remaja ialah *al-murāhiq*. Ia bermaksud seseorang yang telah mencapai usia baligh iaitu apabila kanak-kanak lelaki atau perempuan meninggalkan zaman kanak-kanak dan mereka mencapai peringkat *al-bulūgh*.⁵

Menurut Ibn Manzūr⁶ , istilah remaja pada umumnya merujuk kepada seseorang yang telah menghampiri usia baligh atau telah mengalami *ihtilām*. Oleh itu, seorang kanak-kanak lelaki yang telah mengalami mimpi dipanggil *al-murāhiq* sementara kanak-kanak perempuan dipanggil *al-murāhiqah*. Kadang-kadang kanak-kanak lelaki dipanggil *rāhiq* dan kanak-kanak perempuan *rāhiqah*. Ia merujuk kepada suatu tahap di mana seseorang berada dalam lingkungan umur di antara sepuluh hingga belasan tahun .

2.2.2 Definisi remaja menurut pengertian umum

Pemahaman tentang konsep remaja dalam konteks yang umum adalah merujuk kepada golongan belia yang berada dalam lingkungan umur belasan tahun dan secara julat umurnya mereka berusia di antara 11 hingga 19 tahun. Namun demikian , tempoh masa remaja yang sebenar tidak dapat ditentukan dengan jelas bahkan dalam beberapa situasi ia lebih banyak bergantung kepada sifat perbezaan individu dan kebudayaan masyarakat setempat⁷. Boleh dikatakan setiap masyarakat dengan masyarakat yang lain mempunyai

⁵ Antawan Ni'mah (2000) , *al - Munjid Ft al-Lughah al-'Arabiyyah al-Mu'asarah* , c. 4. Beirut : Dār al-Masyriq , h. 591.

⁶ al- Imām al-'Allāmah Ibn Manzūr (1995) , *Lisān al-'Arab* j.5 , c.1. Beirut : Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabī – Mu'assasah al-Tārikh al-'Arabī , h. 347.

⁷ Sharifah Alwiyah Alsagoff (1987) , *Psikologi Pendidikan I-Konsep – Konsep Asas Psikologi dan Psikologi Pendidikan . Psikologi Perkembangan* , c. 1. Petaling Jaya : Longman Malaysia Sdn. Bhd . h 126

konsepsi dan tanggapan yang berbeza terhadap remaja. Hal ini mungkin disebabkan oleh beberapa faktor dan di antaranya ialah nilai-nilai dan norma-norma yang diamalkan dalam sesebuah masyarakat setempat⁸.

Di dalam kebanyakan masyarakat, seseorang kanak-kanak yang telah baligh terus sahaja diterima sebagai seorang dewasa tanpa perlu mengikuti tempoh masa remaja. Apabila kanak-kanak diwajibkan bersekolah, maka keperluan berada di sekolah telah melambatkan proses menyandang peranan orang dewasa. Maka dengan itu, perkataan remaja bermakna juga bahawa individu tersebut sudah bersedia, tetapi tidak dibenarkan memegang peranan dan status orang dewasa.⁹.

Apa yang jelas, tahap remaja merupakan suatu tempoh perkembangan yang sentiasa berubah mengikut perkembangan dan kebudayaan sesebuah masyarakat. Justeru, tiada persetujuan tentang bila bermula dan berakhir zaman remaja. Setiap disiplin yang mengkaji tentang remaja mempunyai perspektif mereka sendiri. Oleh itu, perbincangan mengenai konsep remaja perlu dilihat dalam skop yang lebih luas dan mengambil kira kesemua pandangan lain sama ada dari sudut biologi, psikologi dan sosiologi.

2.2.3 Pandangan Psikologi

Kajian tentang remaja dari aspek psikologi melihat remaja dari sudut kejiwaan atau kerohanian khususnya perlakuan yang timbul akibat pergolakan

⁸ Asmawati Desa (2002), *Psikologi untuk Golongan Profesional*, Kuala Lumpur : McGraw – HillEducation , h. 114.

⁹ Sharifah Alwiyah Alsagoff (1987) , *op. cit.* , h. 129.

perasaan. Sebab itu, dari segi psikologi , remaja adalah masa apabila perasaan kejantinaan dan perasaan bimbang wujud pada diri seseorang dalam proses menuju kemantangan dan kedewasaan.¹⁰.

Dalam konteks yang lain , ahli psikologi melihat remaja sebagai satu peringkat di mana individu berada di pinggir keadaan dalam mencari keselarasan baru untuk menukar sifat dan kelakuan yang bersifat keanak – anakan kepada sifat dan kelakuan orang dewasa dalam masyarakat.

Apa yang jelas menurut perspektif psikologi , masa remaja dianggap sebagai tempoh bermasalah. Masalah – masalah tersebut sebahagiannya berpunca dari proses peralihan dari masa kanak-kanak kepada masa dewasa.. Suatu keadaan yang patut diperhatikan kepada remaja pada tahap ini , mereka telah pun meninggalkan segala sesuatu yang bersifat kekanak- kanakan dan pada masa yang sama mereka mempelajari sikap dan pola perilaku yang baru sebelum menuju ke tahap kedewasaan.¹¹

Sebagai akibat dari perubahan ini , terdapat dua unsur penting yang wujud pada diri remaja . Pertama ; dalam suatu keadaan mereka mungkin bertingkah laku dan berperasaan seperti kanak- kanak tetapi dalam situasi yang lain mereka bertingkah laku sama seperti orang dewasa yang cukup matang. Kewujudan dua unsur yang berbeza ini telah menimbulkan banyak kerumitan

¹⁰ Ibrahim Mamat (1997) , *Memimpin Remaja Sekolah –Teori dan Praktik* . c.1. Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd . h. 6.

¹¹ M. Alisuf Sabri (1993) , *Pengantar Psikologi Umum & Perkembangan* , c.1. Jakarta : Pedoman Ilmu Jaya , h. 60.

kepada ibu bapa dan guru khususnya ketika berhadapan dengan tingkah laku mereka yang bukan bersifat kanak-kanak atau orang dewasa.

Justeru, sesetengah ahli psikologi melihat remaja pada tahap ini sebagai satu tahap yang dilanda ribut dan tekanan (*a time of stress and stress*) kerana berlaku ketidaksetabilan emosi dan jiwa. Antara orang yang mula-mula memperkatakan tentang permasalahan ini ialah G. Stanley Hall (1864 – 1924). Menurut beliau, haru biru yang wujud di zaman ini adalah sebagai akibat daripada perubahan-perubahan hormon dan fizikal yang di alami oleh remaja yang kemudiannya menghasilkan tekanan – tekanan emosi dan konflik psikologi.¹²

2.2.4 Pandangan Biologi

Dilihat dari aspek biologi, remaja merupakan masa kemantangan seseorang kanak-kanak dari segi fizikal dan seksual iaitu pertumbuhan dan perubahan yang sangat penting berlaku dalam dirinya. Suatu perkara penting yang dapat diperhatikan pada diri remaja ketika ini ialah berlaku perubahan fisiologi yang menandakan bermulanya zaman remaja iaitu apabila berlakunya perubahan kelenjar jantina dengan pengeluaran hormon-hormon.

Peringkat ini dikenali sebagai baligh atau masa *puberty*. *Puberty* adalah istilah yang diambil dari perkataan latin yang bermaksud umur remaja.¹³. Akil baligh menandakan dengan jelas bahawa seseorang remaja itu telah

¹² Jas Laille Suzana Jaafar (2000), *op. cit.*, h. 202.

¹³ Asmawati Desa (2002), *op.cit.*, h. 115 .

mencapai tahap kemantangan jantina dan keupayaan untuk mengalami perkara-perkara yang berkaitan dengan kejantinaan orang dewasa dan keupayaan melahirkan anak. Secara umumnya , terdapat lima pertumbuhan utama semasa akil baligh . Antaranya ialah ketinggian dan berat badan , kelenjar seks atau gonad , ciri- ciri seks sekunder , komposisi badan dan sistem pernafasan serta sistem peredaran.

Lazimnya , terdapat sedikit perbezaan di antara pertumbuhan lelaki dan perempuan semasa akil baligh dari segi masa , kadar dan jenisnya. Pertumbuhan lelaki semasa akil baligh adalah seperti berikut :

- i. Peningkatan ketinggian dan berat badan yang pesat.
- ii. Pertumbuhan saiz testikel dan zakar.
- iii. Pertumbuhan bulu kemaluan dan bulu ketiak serta bulu di bahagian badan yang lain.
- iv. Pengalaman air mani yang pertama yang dialami seawal-awalnya pada umur 11 tahun dan selewat-lewatnya pada umur 16 tahun.
- v. Perubahan suara menjadi garau.

Manakala pertumbuhan perempuan semasa akil baligh adalah seperti berikut :

- i. Peningkatan ketinggian dan berat badan terutamanya pada umur kira- kira 12 tahun.
- ii. Perkembangan buah dada antara umur 8 hingga 11 tahun.
- iii. Pertumbuhan bulu kemaluan dan bulu ketiak.

- iv. Perubahan bahagian rahim dan faraj.
- v. Kedatangan haid pada purata umur 12 tahun.

Oleh kerana perubahan- perubahan berkenaan berlaku pada remaja yang masih belum berfikiran matang , maka tekanan berlaku pada diri mereka. Tekanan yang berlaku semasa akil baligh adalah berpunca daripada perubahan- perubahan fizikal dan fisiologi tadi.¹⁴ . Menurut sesetengah pakar psikologi , hasil daripada tekanan- tekanan dan perubahan – perubahan tersebut akan menjadikan remaja pada akhirnya individu yang matang dan bermoral. Pendapat ini dikemukakan oleh Stanley Hall (1904). Walau apa pun , pendapat ini tidak dapat diterima sepenuhnya kerana didapati ramai remaja yang boleh mengelak daripada mengalami *storm and stress*.¹⁵

2.2.5 Pandangan Sosiologi

Dalam memahami remaja , ahli sosiologi tidak memberi penekanan kepada aspek fizikal , rohani atau emosinya sebaliknya memberi tumpuan yang lebih khusus kepada perilaku yang muncul akibat pengaruh persekitaran sosial di mana remaja berada. Ia melihat remaja sebagai manusia yang sedang menuju kemantangan hasil daripada proses sosialisasi.

Dalam konteks ini , remaja dilihat sebagai kelompok yang belajar membiasakan diri dengan cara , idea , kepercayaan , nilai dan norma kebudayaan masyarakat untuk dijadikan sebahagian daripada personalitinya. Secara

¹⁴ Jas Laile Suzana Jaafar (2002) , *Psikologi Remaja* , Petaling Jaya : Prentice Hall-Pearsson - Malaysia Sdn. Bhd , h. 12 .

¹⁵ Jas Laile Suzana Jaafar (2000) , *op. cit.* , h. 208

prinsipnya , benih- benih perkembangan kesosialan remaja mula bercambah semenjak mereka berada di zaman permulaan kanak- kanak lagi¹⁶.

Ahli – ahli psikologi telah merumuskan bahawa proses sosialisasi remaja berkembang dengan jaringan yang dibina melalui interaksi keluarga , rakan sebaya dan masyarakat keseluruhannya. Tiga komponen sosial ini saling berinteraksi di antara satu sama lain dalam mempercepatkan proses sosialisasi remaja.¹⁷

Ibu bapa memainkan peranan penting dalam membentuk identiti remaja. Bentuk perhubungan antara remaja dengan ibubapanya akan menentukan status dan identiti remaja berkenaan. Remaja yang dibesarkan dalam keluarga yang mempunyai jalinan kemesraan yang tinggi , berkecenderungan dapat menjalin hubungan sosial yang baik , bersahaja dan positif sementara remaja yang sering dikawal ketat , dicemuh , tidak mendapat perhatian , diperkecilkan dan tidak mendapat penghargaan akan mudah memberontak dan dipengaruhi oleh anasir-anasir luar. Hal ini dapat menimbulkan masalah terhadap perkembangan sosial anak remaja itu.¹⁸ .

Pengaruh rakan sebaya pula bukan sahaja berfungsi untuk menjalinkan pertalian persahabatan , berkongsi pengalaman , perasaan dan pandangan masing – masing bahkan lebih dari itu rakan sebaya berfungsi sebagai agen sosialisasi meramandangkan masa bersama rakan sebaya adalah jauh lebih

¹⁶ Mustafa Fahmi (1996) , *Psikologi Kanak- Kanak dan Remaja* , Dr. Wan Hussein Azmi (terj.) c. 8. Kota Bharu : Pustaka Aman Press Sdn . Bhd. , h. 130.

¹⁷ Noraini Ahmad (2000) , *Kaumseling Remaja* , c.1. Kuala Lumpur : Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd , h. 23.

¹⁸ *Ibid* , h.24.

banyak berbanding dengan ahli keluarga .Oleh itu , secara tidak langsung kumpulan rakan sebaya menjadi agen sosialisasi remaja yang amat berkesan bagi seseorang remaja. Dunphy (1963) menyifatkan peranan rakan sebaya sebagai lanjutan kepada proses sosialisasi dalam keluarga.¹⁹.

Pengaruh masyarakat dalam menentukan status sosial remaja pula agak menyeluruh berbanding peranan ibubapa dan rakan sebaya. Hal ini dapat dilihat dari sudut pembentukan kumpulan remaja. Pembentukan kumpulan remaja ini terjadi apabila mereka merasakan perlu untuk menggabungkan diri dalam sesebuah kumpulan sesama mereka sama ada perkumpulan di rumah , di sekolah atau melalui teman- teman sepermainan .Perkumpulan kecil yang dibentuk oleh anak- anak remaja ini akan menjadikan mereka pada akhirnya sebuah kumpulan kecil dengan ciri- ciri pembawaan dan budaya yang tersendiri . Akan tetapi , kebanyakan idea dan penampilan yang dibawa oleh mereka ini tidak lari dan masih terikat dengan pandangan , nilai , perlakuan, sikap dan kepercayaan masyarakat umum.

Berdasarkan kepada pelbagai pengertian dan tafsiran yang diberikan tentang konsep remaja , kita dapat katakan bahawa kesemua pengertian yang disebutkan tadi adalah betul. Setiap manusia itu terdiri daripada empat unsur iaitu fizikal , rohani, emosi dan intelek. Kesemua unsur tersebut adalah penting. Biologi dikaitkan dengan perkiraan fizikal , psikologi dengan perhitungan rohani dan emosi, sosiologi dengan perkiraan pengaruh persekitaran.

¹⁹ Jas Laile Suzana Jaafar (2000) , *op. cit.* , h. 232 .

2.3 Tempoh masa remaja

Meskipun tempoh masa remaja tidak dapat dipastikan dengan jelas oleh mana-mana pihak namun kebanyakan ahli psikologi bersetuju bahawa peringkat remaja terletak di antara zaman kanak-kanak dan dewasa. Mereka menerangkan zaman remaja sebagai zaman yang mengalami perubahan iaitu perubahan dari segi fizikal, emosi dan sosial²⁰.Brooks – Gunn dan Warren (1985) menyatakan remaja sebagai satu jangkamasa di mana peringkat kemantangan telah tercapai, jangka masa perubahan di antara zaman kanak-kanak dan dewasa, jangkamasa di mana individu yang tidak matang dari segi emosi menjangkau zaman kemuncak perkembangan fizikal dan mental.

Petanda yang jelas bermulanya zaman remaja ialah apabila seseorang kanak-kanak lelaki atau perempuan mengalami baligh. Baligh juga disebut sebagai sampai umur yang bermaksud pengembangan psikologi iaitu kanak-kanak lelaki menunjukkan sifat-sifat kelakianya dan perempuan menunjukkan sifat-sifat kewanitaannya.²¹. Secara umumnya, penentuan baligh di antara kanak-kanak lelaki dan perempuan adalah berbeza. Pada kebiasaannya, umur baligh bagi kanak-kanak perempuan didapati lebih awal iaitu kira-kira dua tahun lebih awal daripada lelaki. Apa yang pasti, seseorang kanak-kanak sama ada lelaki atau perempuan akan melalui beberapa peringkat sebelum sampai kepada tahap kemantangan baligh. Peringkat-peringkat tersebut ialah prabaligh, baligh dan lepas baligh.

²⁰ Asmawati Desa (2002), *op.cit.*, h. 115.

²¹ Mohd. Salleh Lebar (1994), *Asas Psikologi Perkembangan*, c.1. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributor, h. 97.

Pra baligh²² (*pre-pubescent*) bermula dalam tempoh masa lebih kurang dua tahun sebelum baligh. Pada masa ini, beberapa perkembangan fisiologi berlaku dan seterusnya organ pembiakan menjadi matang. Peringkat baligh pula (*pubescent*) berlaku apabila perubahan biologi sudah berada ditahap kemuncak dan kemantangan seks sudah jelas kelihatan. Di kalangan budak perempuan, baligh berlaku apabila mereka mengalami haid kali yang pertama dan hal ini telah didahului oleh pelbagai perubahan tubuh badan seperti buah dada menjadi besar sedikit, punggung terlebar sedikit dan kemunculan rambut di ketiak dan di kemaluan.

Di kalangan budak lelaki, baligh bermula apabila mereka mengeluarkan air mani ketika malam yang berlaku secara spontan dan tidak regular. Bukti yang sah menunjukkan budak lelaki itu sudah baligh ialah dengan adanya sel sperma yang hidup dalam air kencing. Tahap lepas baligh²³ (*post-pubescent*) pula adalah masa beberapa tahun selepas datangnya baligh. Masa lepas baligh merupakan pertumbuhan tubuh badan yang tidak sebegitu cepat dan sudah mula berkurangan.

Ditinjau dari sudut umur, masa remaja ialah suatu tempoh yang berlangsung dari kira-kira dua belas atau tiga belas tahun hingga akhir belasan tahun atau awal dua puluhan. Sesetengah orang meletakkan masa remaja di antara umur 15 atau 16 tahun hingga 21 tahun dan ia berlangsung dari saat individu matang secara seksual sehingga mencapai usia matang secara hukum. Secara amnya, masa remaja ini dapat dibahagikan kepada dua peringkat iaitu;

²² Sharifah Alwiah Alsagoff (1987). *op. cit.*, h. 127.

²³ *Ibid.*, h. 128.

1. Masa remaja awal ; berlangsung hingga umur 17 tahun.
2. Masa remaja akhir ; berlangsung hingga mencapai usia kemantangan resmi secara hukum iaitu umur 21 tahun.

Menurut Dr. Mustafa Fahmi pula , masa remaja dapat dibahagikan kepada beberapa peringkat seperti yang berikut²⁴ ;

1. Masa pra remaja (*pre-adolescence*) , biasanya bermula daripada umur 10 tahun dan berakhir pada umur 12 tahun.
2. Masa awal remaja (*early adolescence*) , biasanya antara umur 13 – 16 tahun.
3. Masa akhir remaja (*late adolescence*) , biasanya bermula dari umur 17 tahun dan berakhir pada umur 21 tahun .

Pendapat ini dipersetujui oleh Elizabeth B. Hurlock yang membahagikan masa remaja kepada tiga peringkat iaitu masa pra remaja , remaja awal dan remaja akhir.

Di antara peringkat- peringkat umur ini , usia remaja yang hampir disepakti ialah umur 13 tahun sampai 21 tahun. Dr. Zakiah Darajat berpendapat bahawa usia remaja yang hampir disepakati oleh kebanyakan ahli ilmu ialah antara 13 tahun dan 21 tahun.²⁵

Berdasarkan kepada perbincangan tentang umur dan tempoh masa remaja dapatlah dirumuskan bahawa yang dikatakan remaja adalah merujuk

²⁴ Mustafa Fahmi (1996) , *op. cit.*, h.111.

²⁵ M. Alisuf Sabri (1993) , *op. cit.* , h. 160.

kepada sekumpulan individu yang berada dalam tempoh umur tertentu dan kebiasaannya dalam lingkungan umur belasan tahun .Tempoh masa yang sebenarnya tidak dapat ditentukan dengan pasti kerana hal ini banyak bergantung kepada keadaan masyarakat di mana remaja itu berada dan bergantung pula kepada dari mana aspek remaja ditinjau²⁶ .

2.4 Pertumbuhan dan perkembangan remaja

Seperti yang diketahui umum , peringkat remaja merupakan satu tahap perkembangan yang berlaku di antara fasa-fasa perkembangan manusia. Perkembangan tersebut adalah merujuk kepada suatu jangka masa perubahan dari aktiviti kanak-kanak kepada aktiviti orang dewasa. Secara asasnya konsep pertumbuhan dan perkembangan merupakan dua proses penting yang berlaku kepada setiap individu khususnya kepada remaja.

Menurut pengertian psikologi perkembangan ²⁷, pertumbuhan ialah perubahan yang boleh dinilai atau diukur dari satu peringkat ke satu peringkat perkembangan yang lain sementara perkembangan²⁸ adalah perubahan kualitatif yang tidak dapat diukur secara kuantitatif. Perubahan kualitatif menunjukkan ciri yang berbeza daripada perkembangan yang terdahulu dengan yang baru terbentuk.

²⁶ H. Sahilun A.Nasir (1999), *Peranan Pendidikan Agama terhadap Pemecahan Problem remaja* c.1. Jakarta : Kalam Mulia , h. 69.

²⁷ Mohd. Salleh Lebar (1994), *op.cit.*, h. 50.

²⁸ *Ibid.*, h.52.

Dalam menghuraikan proses dan perubahan yang berlaku kepada remaja , peringkat – peringkat perkembangan tersebut dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu :

1. Peringkat awal remaja (umur 12 hingga 15 tahun).
2. Peringkat remaja (umur 15 hingga 20 tahun).

Peringkat awal remaja adalah merujuk kepada murid- murid yang sedang belajar di sekolah menengah iaitu di antara tingkatan satu hingga tingkatan tiga. Pada peringkat ini , murid- murid di katakan telah meninggalkan ciri- ciri keanak – anakan apabila mereka mencapai peringkat *'āqil – bāligh* atau disebut sebagai sampai umur . Peringkat remaja pula merangkumi kira-kira umur lima belas hingga lapan belas tahun iaitu mereka yang sedang berada di tingkatan tiga hingga tingkatan lima . Tempoh masa perkembangannya berlangsung dari peringkat prabaligh hingga ke tahap apabila seseorang individu tersebut memegang peranan dan tanggungjawab sebagai seorang dewasa.²⁹ .

Melihat kepada status remaja yang sedang menuju ke peringkat dewasa maka sudah pasti mereka berkembang dari segi fizikal , emosi , intelek , moral dan sosial . Perkembangan - perkembangan tersebut dapat digalurkan seperti berikut :

²⁹ Sharifah Alwiyah Alsagoff (1987) , op. cit , h. 128

2.4.1 Perkembangan fizikal

Suatu hal yang nyata dapat dilihat pada diri remaja ialah pertumbuhannya dari segi fizikal. Pertumbuhan ini menandakan perkembangan seseorang individu dari masa kanak-kanak menuju ke alam dewasa. Dalam menghadapi tugas perkembangan ini, kaum remaja perlulah menyesuaikan diri dengan perubahan-perubahan fizikal yang berlaku secara dramatik dan biasanya pada peringkat ini kaum remaja akan menghadapi masalah dalam menerima bentuk dan saiz badan mereka.³⁰.

Secara umumnya, perkembangan fizikal ini dapat dilihat melalui dua peringkat iaitu peringkat awal remaja dan peringkat akhir remaja. Pada peringkat awal remaja, pertumbuhan fizikal yang pesat berlaku kepada remaja lelaki dan perempuan. Pada peringkat ini, bentuk badan kanak-kanak lelaki bertambah keras dan kelihatan lebih besar daripada kanak-kanak perempuan. Kanak-kanak lelaki juga kelihatan lebih tinggi dan mencapai tahap maksimum ketika berusia 18 tahun. Bagi kanak-kanak perempuan, pertumbuhan bentuk badan mereka mula kelihatan terutama selepas kedatangan haid kali yang pertama. Apabila berusia 14 tahun, kanak-kanak perempuan telah menunjukkan sifat-sifat kewanitaan dan terdapat pertumbuhan sel-sel lemak khasnya di bahagian punggung dan dada.³¹.

Pada peringkat akhir remaja, perkembangan fizikal yang lebih pesat berlaku kepada remaja dari segi rangka tulang, struktur saiz tubuh, dinding

³⁰ Asmawati Desa (2002), *op.cit.*, h. 116.

³¹ Mohd. Salleh Lebar (1994), *op.cit.*, h. 97.

pembuluh darah dan ketinggian. Remaja lelaki mencapai ketinggian yang maksimum pada usia 18 tahun. Ketika itu jumlah tulangnya ialah 206 ketul. Begitu juga paru-paru, pembentukan otot-otot dan saiz tubuh lelaki adalah lebih besar dan berat daripada perempuan.

Bagi kanak-kanak perempuan, pertumbuhan jasmani berlaku dengan cepat terutama pada peringkat prabaligh iaitu satu atau dua tahun sebelum datang haid. Ketika mencapai baligh, kanak-kanak perempuan menjalani perubahan tubuh badan dan pertumbuhan bulu ketiak³². Pada usia 17 tahun pula, mereka telah mencapai kemantangan dari segi ketinggian dan kepadatan saiz tulang³³.

Selepas tempoh remaja, perkembangan fizikal tidak berlaku lagi kepada remaja lelaki dan perempuan. Proses yang terjadi hanyalah pendewasaan dan kemantangan. Pada peringkat ini, pusingan haid bagi budak perempuan dan pengeluaran sperma bagi budak lelaki telah pun mencukupi dan menjadikan sistem pembiakan mereka lebih stabil dari sebelumnya.

2.4.2 Perkembangan emosi

Perkembangan emosi pada zaman remaja berlaku sejajar dengan perkembangan lain. Ia juga adalah kesinambungan dari perkembangan yang berlaku pada zaman kanak-kanak.

³² Eh Ah Meng (1999), *Psikologi Pendidikan 1- Psikologi Perkembangan (Semesta 1)*, Shah Alam : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., h. 148.

³³ Mohd Salleh Lebar (1994), *op.cit.*, h. 99

Pada zaman remaja , masalah emosi dilihat sebagai campuran antara masalah sewaktu zaman kanak- kanak dengan masalah seperti yang terdapat pada orang dewasa. Akan tetapi , sifat – sifat emosi pada peringkat remaja mempunyai keunikannya tersendiri berbanding kanak- kanak atau orang dewasa . Di antara ciri- ciri emosi yang sangat menonjol pada zaman remaja adalah seperti berikut ³⁴ :

1. Keadaan emosi mereka pada peringkat awal remaja sama seperti kanak- kanak yang kecil kerana mereka mudah marah dan tersinggung yang hanya disebabkan oleh perkara- perkara yang kecil sahaja .
2. Emosi mereka bersifat tidak tetap dan sentiasa berubah-ubah (*inconsistency*) dari satu keadaan kepada keadaan yang lain dalam tempoh masa yang pendek.
3. Mereka tidak dapat menguasai emosi dengan baik terutama apabila mereka dihasut atau dinaikkan kemarahan.
4. Dalam sesetengah keadaan , mereka menonjolkan perasaan kecewa , putus harapan , dukacita dan sakit jiwa yang kadang-kadang hanya berpunca daripada sikap dan adat resam masyarakat yang menghalang cita- cita mereka.

Lazimnya , kebanyakkan sebab dan situasi yang mencetuskan masalah emosi di kalangan remaja adalah tidak sama seperti yang terdapat pada kanak-

³⁴ Mustafa Fahmi (1996) , *op. cit.* , h.124.

kanak atau orang dewasa. Masalah emosi pada remaja biasanya timbul dengan diiringi oleh faktor pencetus , faktor penyebab dan faktor yang memungkinkan. Sesetengah pihak berpendapat emosi berlaku dalam kehidupan remaja apabila kehendak- kehendak mereka tidak dipenuhi atau percubaan – percubaan mereka untuk memenuhiinya dihalangi atau apabila mereka di ancam³⁵.

Walaubagaimana pun, ahli psikologi berpendapat sikap dan emosi remaja lebih banyak ditentukan oleh pengaruh keluarga mereka sendiri . Sebagai contoh , seseorang remaja yang berkembang dalam suasana keluarga yang penyayang lagi harmoni mereka akan lahir sebagai individu yang baik dan bersikap positif ketika menangani segala bentuk masalah . Di samping itu, mereka juga dapat menangkis segala input yang tidak sihat serta mudah memahami kepekaan ibubapa serta masyarakat sekelilingnya.

Adapun remaja yang lahir dari kalangan keluarga yang lemah , kacau bilau dan persekitaran yang kurang menggalakkan akan menjadikan mereka sebagai individu yang lemah , kurang daya tahan , mudah roboh dan mudah dilanda masalah. Mereka juga mudah dipengaruhi oleh faktor- faktor luaran yang menarik diri mereka dari arah perkembangan yang normal dan menjadikan mereka individu yang menunjukkan manifestasi gejala sosial.

³⁵ Asmawati Desa (2002) , *op.cit.*, h. 117.

2.4.3 Perkembangan mental (*kognitif*)

Selaras dengan perkembangan fizikal dan emosi , remaja juga berkembang dari segi intelek. Perkembangan mereka dari aspek ini boleh dilihat melalui cara mereka berfikir dan menyelesaikan sesuatu masalah .Apa yang jelas pada ketika ini , mereka sudah boleh membuat andaian tentang sesuatu perkara dan ³⁶ juga dapat mengaplikasikan prinsip- prinsip yang tertentu ketika hendak menyelesaikan satu- satu masalah. Selain itu , remaja pada peringkat ini dapat melihat kaitan antara situasi- situasi yang relevan ketika menyelesaikan masalah tertentu. ³⁷

Seperti perkembangan yang lain ,tahap perkembangan mental mereka juga berlaku melalui dua peringkat iaitu peringkat awal remaja dan peringkat akhir remaja . Perkembangan mental pada peringkat awal remaja adalah berbeza dan agak perlahan berbanding peringkat akhir remaja . Remaja pada peringkat awal tidak mempunyai kekuatan mental dalam mencari penyelesaian terhadap sesuatu masalah. Mereka lebih bijak membuat andaian bahkan keputusan yang mereka capai tidak mempunyai asas yang kukuh , tanpa bukti- bukti yang nyata serta penelitian yang tidak terperinci. Oleh itu , keputusan mereka mudah berubah terutama apabila disergah atau dicabar.

Berbeza dengan remaja pada peringkat akhir , mereka kelihatan lebih sistematik dalam menghadapi sebarang masalah .Bukti yang nyata ialah mereka akan mencari sebab - musabbab kepada sesuatu persoalan melalui pemerhatian

³⁶ Ibrahim Mamat (1997) , *op. cit.* , h.13.

³⁷ Eh Ah Meng (1999) , *op. cit.* , h.152.

dan bukannya lagi andaian. Setiap masalah itu dijadikan sebagai satu pengalaman baru dalam mempertingkatkan kemantangan berfikir.³⁸

Pada asasnya , kemantangan berfikir ini biasanya disebabkan oleh beberapa faktor sama ada yang berbentuk dalaman atau luaran. Faktor dalaman adalah berkait rapat dengan perkembangan otak yang sudah matang sementara faktor luaran adalah pengaruh alam sekeliling yang memberi peluang kepada remaja untuk mencuba sesuatu yang baru. Hasil daripada interaksi kedua-dua unsur ini akan memberikan input yang positif kepada perkembangan mental remaja untuk membolehkan mereka menjadi matang. Dalam erti kata lain , kemantangan seseorang remaja itu adalah hasil daripada perkembangan otak dan pengalaman yang dilalui dalam kehidupan sehari-hari³⁹.

2.4.4 Perkembangan moral

Moral ialah konsep tentang baik dan buruk , betul atau salah , adil atau tidak adil atau sebagainya. Ia berhubung rapat dengan pegangan nilai atau penentuan taraf sesuatu perlakuan. Dalam keadaan biasa , moral selalu dihubungkaitkan dengan akhlak yang baik atau tingkah laku yang sesuai dengan norma dan peraturan masyarakat.⁴⁰

Perkembangan remaja dari aspek moral dapat dilihat melalui dua dimensi yang berbeza iaitu dimensi *interpersonal* dan *intrapersonel* . Dimensi *interpersonal* adalah berkait dengan hak dan kesejahteraan orang lain manakala

³⁸ Noraini Ahmad (2000) , *op. cit.* , h.21.

³⁹ Ibrahim Mamat (1997) , *op. cit.* , h.13.

⁴⁰ *Ibid.* , h. 14.

dimensi *intrapersonal* adalah yang melibatkan nilai-nilai asas seseorang individu atau cita rasa kendiri.

Dalam mengukur tahap perkembangan moral ini pula, terdapat tiga teori utama yang boleh digunakan iaitu teori kognitif – perkembangan, teori pembelajaran dan teori psikoanalitik.⁴¹ Ketiga – tiga teori ini melihat remaja dari sudut moral dengan konsep dan tanggapan yang berbeza.

Teori-kognitif – perkembangan⁴² menyatakan bahawa kanak-kanak dan remaja adalah individu yang berupaya kawal-kendiri dan tingkah laku dan dikawal oleh peraturan konseptual. Satu norma tentang saling menghormati antara manusia memimpin atau menjadi petunjuk kepada kerjasama sosial dan tingkah laku moral. Tingkah laku moral pula mencerminkan cara individu memberi sebab (*justify*) kepada tingkah laku mereka manakala karakter moral pula terbentuk dari prinsip-prinsip penilaian dalaman.

Teori pembelajaran⁴³ pula melihat remaja sebagai individu yang pasif, tingkah-lakunya ditentukan oleh kuasa-kuasa luaran. Moraliti pula dilihat sebagai satu sistem tingkah laku sosial (*social conduct*) dan merupakan kawalan tingkah laku yang dilarang. Tingkah laku moral terdiri dari corak-corak spesifik yang diperolehi melalui proses peneguhan tingkah laku atau pemerhatian tingkah laku orang lain (*modeling*). Karakter moral pula adalah berasaskan motif untuk memperolehi peneguhan positif dan mengelak dendaan.

⁴¹ Jas Laile Suzana Jaafar (2002), *op. cit.*, h.23.

⁴² *Ibid.*, h.24.

⁴³ *Ibid.*, h.24.

Teori Psikoanalitik⁴⁴ menghuraikan moraliti sebagai satu sistem personaliti yang berpusatkan kendiri , yang menumpukan perhatian kepada kawalan desakan naluri yang pentingkan diri . Tingkah laku moral dikaji melalui pengujian standard moral yang dianggap berasal dari standard ibubapa .Karakter moral didefinisikan sebagai gerak hati atau *standard moral* yang diinternalisasikan.

Suatu hal yang nyata dapat dilihat terhadap proses perkembangan moral remaja adalah faktor – faktor yang merangsang penaakulan moral mereka.Berdasarkan kepada bukti-bukti yang dikemukakan oleh ahli psikologi didapati faktor ibubapa , sekolah , rakan sebaya serta budaya yang mengelilingi remaja mempunyai pengaruh yang besar terhadap pertumbuhan moral mereka. Faktor ibubapa boleh dilihat dari aspek bagaimana cara mereka membesarakan anak. ke arah melahirkan remaja yang mesra dan demokratik.

Hasil daripada pengalaman- pengalaman yang lalu terbukti bahawa remaja yang dibesarkan dari kalangan keluarga yang dapat mencipta persekitaran yang suppotif iaitu ibubapa mereka yang bersedia mendengar dan bertanya akan melahirkan remaja yang paling cenderung serta mempunyai penaakulan moral yang tinggi sebaliknya remaja yang dibesarkan dari kalangan keluarga yang banyak berleter , mengancam dan suka menyindir akan melahirkan remaja yang hanya berubah sedikit sahaja penaakulan moral mereka atau langsung tidak berubah .

⁴⁴ *Ibid.* h.24.

Di samping pengaruh ibubapa , peranan sekolah juga tidak kurang penting sebagai satu faktor yang kuat terhadap perkembangan moral remaja.Kajian-kajian jangka panjang menunjukkan bahawa penaakulan moral menjadi meningkat di zaman akhir remaja dan awal dewasa hanya jika individu berada di sekolah.Di samping itu juga ,pendidikan tinggi dilihat sebagai satu faktor yang secara tidak langsung menyokong kuat terhadap perkembangan moral remaja kerana ia mendedahkan remaja kepada isu- isu sosial yang luas.

2.4.5 Perkembangan sosial (budaya)

Perkembangan sosial yang berlaku kepada remaja merupakan sebahagian daripada kesan- kesan yang lahir pada tingkah laku masyarakat ekoran daripada perpindahan zaman kanak- kanak kepada remaja.

Faktor utama yang mempercepatkan proses sosialisasi remaja ialah apabila mereka merasa perlu untuk membentuk perhubungan dengan masyarakat dan kehendak bermasyarakat ini lazimnya sentiasa tumbuh dan berkembang dalam diri remaja dari setahun ke setahun.⁴⁵. Asas pertumbuhan ini diperkuatkan lagi apabila remaja cuba berusaha untuk menyesuaikan diri dengan masyarakat dengan cara menonjol imej dan identiti mereka. Sebagai contoh , penampilan remaja dari sudut berpakaian. Ia merupakan cara bagaimana remaja memperkenalkan dan menonjolkan identiti mereka kepada masyarakat kerana mereka berpendapat masa remaja adalah masa mencari imej dan identiti diri.⁴⁶ .

⁴⁵ Mustafa Fahmi (1996) , *op. cit.*, h.130.

⁴⁶ Ibrahim Mamat (1997) , *op. cit.* , h.16.

Pada peringkat awal remaja , rakan sebaya memainkan peranan yang penting dalam menentukan jenis interaksi atau pergaulan remaja. Kepentingan rakan sebaya dalam hidup remaja berfungsi sebagai pemberi maklumat tentang dunia di luar keluarga . Dari rakan sebaya juga , remaja mendapat maklum balas tentang keupayaan mereka sama ada mereka lebih baik atau buruk atau lebih kurang sama keupayaan dengan remaja- remaja lain⁴⁷ .

Di samping itu , rakan sebaya yang baik sangat diperlukan untuk perkembangan sosial yang normal bagi remaja. Menurut kajian yang dilakukan oleh Ryan dan Patrick (1996) , rakan sebaya yang positif berhubung kait dengan penyesuaian sosial yang positif. Sebaliknya , hubungan rakan sebaya yang buruk semasa kanak- kanak berhubung kait dengan kegagalan di sekolah dan delikuensi semasa akhir remaja.⁴⁸

Di samping pengaruh rakan sebaya , Ibubapa juga memainkan peranan penting dalam mempercepatkan proses sosialisasi remaja .Suasana keluarga yang melingkungi kehidupan remaja akan menentukan apakah remaja itu dapat membawa diri dengan baik semasa di luar rumah⁴⁹ .Remaja yang dibesarkan dalam keluarga yang mempunyai jalinan kemesraan yang tinggi , berkecenderungan untuk menjalin hubungan sosial yang baik , bersahaja dan positif sementara remaja yang sering dikawal ketat , dicemuh , tidak mendapat perhatian , diperkecilkan dan tidak mendapat penghargaan akan mudah memberontak dan dipengaruhi oleh anasir- anasir luar. Kurang perhatian daripada ibubapa kerana kesibukan , akan menjauahkan lagi kemesraan daripada

⁴⁷ Jas Laile Suzana Jaafar (2002) , *op. cit.* , h.64.

⁴⁸ *Ibid.* , h.64.

⁴⁹ Mohd. Amin H.A. Shariff (1998) , *op. cit.* , h. 17.

kedua-duanya. Hal ini dapat menimbulkan masalah terhadap perkembangan sosial anak remaja itu⁵⁰.

2.5 Remaja sekolah

Remaja sekolah adalah sebahagian daripada remaja biasa. Di lihat dari konteks umum, mereka tidak berbeza dengan remaja lain. Tetapi oleh sebab terdapat beberapa ciri dan keadaan yang berbeza, mereka ini diberi sedikit pengertian yang berbeza supaya perhatian dan tindakan terhadap mereka dibuat secara berbeza.⁵¹

2.5.1 Pengertian remaja sekolah.

Remaja sekolah yang dimaksudkan di sini ialah anak muda yang mempunyai ciri-ciri keremajaan tetapi masih belajar terutama di peringkat sekolah menengah dan biasanya mereka dikenali sebagai pelajar sekolah. Sesetengah orang menamakan mereka sebagai pelajar remaja yang bermaksud pelajar lelaki dan perempuan yang belajar di sekolah menengah dan mereka sudah pun mencapai tahap akil baligh (*puberty*). Kebiasaan umur mereka pula adalah di antara 13 tahun hingga 19 tahun.⁵²

Beberapa ciri khusus yang membezakan mereka dengan remaja biasa ialah mereka dibentuk secara terkawal untuk menjadi orang dewasa dengan

⁵⁰ Noraini Ahmad (2000), *op. cit.*, h.27.

⁵¹ Ibrahim Mamat (1997), *op. cit.*, h.7.

⁵² Sufean Hussin *et. al.* (2002), *Masalah Remaja daripada Keluarga Ibu Tunggal*, Shah Alam : Karisma Publications Sdn. Bhd., h. 32 .

diberi segala ilmu pengetahuan dan panduan . Mereka terikat dengan segala peraturan yang dikeluarkan oleh pelbagai pihak. Dalam banyak keadaan mereka sering diberitahu, untuk berbuat sesuatu dan segala kegiatan mereka berkisar dalam lingkungan sekolah .Sebahagian ciri remaja tidak terjelma di sini sedangkan remaja biasa lebih daripada itu.⁵³ Dalam erti kata lain , remaja sekolah berbeza daripada remaja umum khususnya dalam beberapa aspek berikut :

1. Remaja sekolah mempunyai kebebasan yang terkawal . Mereka terpaksa patuh kepada peraturan- peraturan yang telah ditentukan , umpamanya dalam tatacara berkelakuan dan berpakaian ; larangan dan tegahan banyak dikenakan kepada mereka.
2. Remaja sekolah mempunyai tugas yang telah ditetapkan iaitu belajar. Tugas ini mesti dilakukan sama ada secara sukarela atau terpaksa.
3. Kegiatan remaja sekolah banyak dipandu.

Selain dari ketiga- tiga aspek ini , remaja sekolah yang beragama islam mempunyai ciri- ciri yang lebih khusus lagi berbanding remaja sekolah seperti yang difahami umum. Antara ciri- ciri tersebut adalah terletak pada nilai – nilai peribadi dan ketaatan kepada perintah agama. Menurut al-Ustadh Mustafa Masyhür⁵⁴ , ciri- ciri tersebut ialah mereka mesti mengetahui adab- adab Islam dan ajaran- ajarannya , membiasakan diri dengan sifat benar , amanah ,

⁵³ Ibrahim Mamat (1997) , *op. cit.* , h.8.

⁵⁴ Mustafa Masyhür (1989) , *Suri Teladan di Sepanjang Jalan Da'wah* , Mudasir Rosder (terj.) , Kuala Lumpur : Dewan Pustaka Fajar , h . 143.

menunaikan janji , berlemah lembut , berpegang kepada akhlak Islam serta menjauhkan diri dari akhlak yang terpuji . Apa yang terpenting sekali ialah mereka mesti menunaikan solat. Solat perlu ditunaikan oleh setiap pelajar Islam sebaik sahaja masuk waktunya sebagai memperbaharui tenaga dan meminta pertolongan dari Allah.

2.5.2 Ciri- ciri dan budaya remaja sekolah

Seperti yang telah disebutkan remaja sekolah merupakan sebahagian daripada remaja biasa iaitu ciri- ciri umum yang terdapat pada remaja biasa juga terdapat pada mereka. Namun , oleh sebab mereka seolah- seolah hidup dalam dua alam , maka mereka patut diberi perhatian yang berbeza. .

Di lihat dari sudut umur , kebanyakan orang menerima remaja sebagai mereka yang berumur antara 12 hingga 21 atau 22 tahun , manakala remaja sekolah yang ada pada hari ini ialah mereka yang secara puratanya berumur antara 12 hingga 19 tahun iaitu mereka berada dalam tingkatan satu hingga tingkatan enam di sekolah- sekolah menengah atau pra-universiti. Ini bermakna mereka bukan remaja sepenuhnya. Oleh itu , mereka perlu dipimpin dengan bijaksana agar pembelajaran mereka berjalan lancar dan perkembangan mereka dari segi intelek tidak terencat. Untuk lebih berkesan , mereka diuruskan dalam tiga peringkat seperti yang dilakukan di sekolah sekarang:⁵⁵

⁵⁵ Ibrahim Mamat (1997) , *op. cit.* , h.9.

1. Peringkat awal remaja yang berumur antara 12 hingga 14 tahun (tingkatan 1 hingga tingkatan 3)
2. Peringkat pertengahan remaja yang berumur antara 15 hingga 17 tahun (tingkatan 4 hingga tingkatan 5).
3. Peringkat akhir remaja yang berumur antara 18 hingga 19 tahun (tingkatan 6 bawah hingga tingkatan 6 atas)

Jadual 1.1 : Menerangkan peringkat- peringkat remaja sekolah dan tahap pembelajaran mereka.⁵⁶

Peringkat – Peringkat Remaja Sekolah ; 12 - 21 Tahun		
Peringkat Remaja	Had Umur	Peringkat Pembelajaran
1. Awal Remaja	12 , 13 , 14 , 15 Tahun	Belajar di sekolah Menengah rendah
2. Pertengahan Remaja	15 , 16 , 17 , 18 Tahun	Belajar di sekolah Menengah Tinggi
3. Akhir remaja	18 , 19 , 20 , 21 Tahun	Belajar di Universiti atau tamat persekolahan

Sumber : Dipetik dari buku yang berjudul *Kitāb Li al-Wālidayn – Bulūgh bilā Khajal*.

⁵⁶ Akram Ridā (2000) . *Kitāb Li al-Wālidayn – Bulūgh bilā Khajal* , j. 1 , c.3. Kāherah : Dār al-Tawzī' wa al-Nasyr , h.29.

2.6 Remaja menurut perspektif Islam

2.6.1 Remaja sebagai Mukallaf

Istilah remaja secara khususnya tidak pernah disebutkan oleh al-Qur'an . Namun , para *fuqahā'* berpendapat bahawa masa remaja merupakan suatu tempoh masa yang berlangsung di antara masa kanak- kanak dan dewasa. Hakikat ini adalah berdasarkan kepada firman Allah S.W.T. sebagaimana di dalam ayat berikut :

هُوَ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ تُرَابٍ ثُمَّ مِنْ عَلَقَةٍ ثُمَّ يُخْرِجُكُمْ طِفَالًا ، ثُمَّ لَتَبْلُغُوا أَسْعَادَ كُمْ

ثُمَّ لَتَكُونُو نُوَا شَيْوَخًا وَمِنْكُمْ مَنْ يُتَوَقَّى مِنْ قَبْلِ لَتَبْلُغُوا أَجَلًا مُسْتَأْنِدُ وَلَعَلَّكُمْ

تَعْقِلُونَ

" Dialah yang menjadi kamu dari tanah , kemudian dari setitik air benih , kemudian dari sebuku darah beku , kemudian dari seketul daging , kemudian ia mengeluarkan kamu berupa kanak- kanak , kemudian kamu dipelihara hingga sampai peringkat umur dewasa , kemudian kamu (dipanjangkan umur) hingga sampai menjadi tua. Dan (dalam pada itu) ada diantara kamu yang dimatiakan sebelum itu . (Allah melakukan kejadian yang demikian) supaya kamu sampai kepada masa yang ditentukan (untuk menerima balasan) ; dan supaya kamu memahami(hikmah- hikmah kejadian itu serta kekuasaan Tuhan). "

Ghāfir (40) : 67

Di dalam ayat ini , Allah S.W.T. telah menerangkan fasa- fasa perkembangan manusia dan termasuk di dalamnya fasa remaja iaitu suatu fasa di

antara masa kanak-kanak dan masa dewasa⁵⁷. Pandangan yang dikemukakan oleh *fuqahā'* ini adalah sejajar dengan pandangan ahli psikologi yang meletakkan masa remaja sebagai suatu jangka masa di antara peringkat kanak-kanak dan dewasa. Menurut ahli psikologi, peringkat-peringkat perkembangan manusia dapat dibahagikan seperti yang berikut⁵⁸:

1. Peringkat bayi.
2. Peringkat kanak-kanak.
3. Peringkat pertengahan kanak-kanak
4. Peringkat awal remaja
5. Peringkat remaja
6. Peringkat dewasa

Dari aspek Fiqh Islam, para *fuqahā'* melihat remaja sebagai suatu tempoh masa yang berlangsung di antara peringkat umur belasan tahun sehingga mereka mencapai usia bāligh⁵⁹. Menurut al-Imām al-Syāfi‘ī tempoh masa kanak-kanak akan berakhir setelah mereka mencapai usia baligh dan pada ketika ini mereka dikenali sebagai *murāhiq*⁶⁰.

Secara khususnya, peringkat *murāhiq* bermula apabila seseorang individu mengalami beberapa perubahan yang berlaku secara spontan sama ada dari sudut fizikal, biologi atau fisiologi. Di antara perubahan-perubahan

⁵⁷ H. Sahilun A.Nasir (1999) , *op. cit.*, h. 63.

⁵⁸ Mohd. Salleh Lebar (1994) , *op.cit.*, h. 53.

⁵⁹ Abī al-Hasan ‘Alī bin Muhammād bin Habīb al-Mawardi al-Baṣrī (1994), *al-Hāwī al-Katīr fī Fiqh Madhhab al-Imām al-Syāfi‘ī* , j. 6 . , c.1. Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah , h. 343.

⁶⁰ Wahbah al-Zuhaylī (1989) , *Fiqh al-Islām wa Adillatuh* , j.5 . c.3. Damsyiq : Dār al-Fikr , h. 433.

tersebut iaitu bermimpi dan tumbuh bulu menjadi isyarat awal tentang kewajipan ibubapa mengajar anak-anak mereka hukum meminta izin sebelum dan selepas mereka baligh seperti yang diterangkan di dalam dua ayat yang berikut⁶¹:

Ayat yang Pertama :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لِيَسْتَأْذِنُكُمُ الَّذِينَ مَلَكْتُمْ أَيْمَانِكُمْ وَالَّذِينَ لَمْ يَتَّلَعُوا بِالْحُلُمِ مِنْكُمْ

ثَلَاثَ مَرَاتٍ

“ Wahai orang- orang yang beriman ! Hendaklah hamba- hamba kamu dan orang – orang yang belum baligh dari antara kamu , meminta izin kepada kamu (sebelum masuk ke tempat kamu) dalam tiga masa ; ”

al-Nūr (24) : 58

Ayat yang kedua :

وَإِذَا بَلَغَ الْأَطْفَالُ مِنْكُمُ الْحُلُمَ فَلْيَسْتَأْذِنُو كَمَا اسْتَأْذَنَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ

“Dan apabila kanak- kanak dari kalangan kamu telah baligh , maka hendaklah mereka meminta izin sama seperti cara orang- orang (yang telah cukup umur) yang tersebut dahulu meminta izin .”

al-Nūr (24) : 59

⁶¹ Abdullah Nasih Ulwan (2000) , *Pendidikan Anak- Anak Dalam Islam* , Syed Ahmad Semait (terj) , j. 2 , c. 8. Singapura : Pustaka Nasional Pte.Ltd , h . 5.

Menurut Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah , seorang kanak- kanak sama ada lelaki atau perempuan jika telah pasti dan diyakini bahawa mereka telah baligh maka segala hukum Syāra' diwajibkan ke atas mereka sebagaimana dikenakan ke atas orang dewasa yang *mukallaf*⁶². Justeru , mereka juga tidak terkecuali daripada menerima siksaan Allah S.W.T. jika mengabaikan manapun bentuk perintah agama yang telah *ditaklifkan* kepada orang *mukallaf* .

Para ulama' Usūl telah meletakkan kanak- kanak yang telah baligh sebagai tahap permulaan untuk mereka memikul dan melaksanakan tanggungjawab sebagai individu muslim yang *mukallaf* ⁶³. Mereka dikategorikan sebagai individu yang berkemampuan untuk melaksanakan kewajipan – kewajipan Syāra' berdasarkan kepada syarat – syarat *taklif* yang telah wujud pada diri mereka. Dengan sebab itu , Syariat Islam telah memperbolehkan kanak- kanak yang telah baligh menjalankan kesemua perintah Syāra' walaupun dalam hal- hal yang berkaitan dengan harta dan 'aqad tanpa perlu mendapatkan keizinan wali mereka kerana mereka telah pun mencukupi syarat-syarat sebagai seorang *mukallaf* seperti cerdik dan berfikiran sempurna ⁶⁴.

Secara prinsipnya , para *fuqahā'* telah menjadikan baligh sebagai satu aspek penting dalam penentuan kanak- kanak sebagai seorang *mukallaf* . Satu kriteria penting yang menjadi asas pertimbangan di kalangan *fuqahā'* dalam menentukan status mereka sebagai seorang *mukallaf* adalah berkait rapat

⁶² al-Imām Syamsuddin Muhammad Abī Bakr Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (t.t .) ,*Tuhfah al-Mawdūd bi Ahkām al-Mawlūd* , Kaherah : al- Maktabah al-Qīmah , h. 235.

⁶³ 'Abd al-Karīm al-Zaydān (1993) , *al-Wajīz fī Usūl al-Fiqh* , c.1 Kaherah : Dār al-Tawzī' wa al-Nasyr al-Islāmiyyah , h. 99.

⁶⁴ 'Abd.al-Karīm al-Zaydān (1993) , *op. cit.* , h.101.

dengan taraf kesempurnaan akal yang menjadi salah satu sebab kepada kelayakan seseorang untuk melaksanakan perintah- perintah Syāra' .

Justeru , Allah S.W.T. telah menjadikan baligh sebagai garis pemisah dalam menentukan tahap kesempurnaan akal seseorang individu . Menurut Al-Imām Muhammad Abū Zahrah⁶⁵ , baligh secara mutlaknya menjadi kayu ukur dalam menentukan tahap kesempurnaan akal seseorang atau tidak . Beliau menegaskan " *seseorang yang telah baligh maka bererti dia telah bersedia untuk menanggung dan melaksanakan ketentuan hukum – hukum Syāra'* ." Pendapat ini adalah berdasarkan kepada sebuah hadis Rasulullah S.A.W. sebagaimana di dalam riwayat yang berikut :

رُفِعَ الْقَلْمَنْ عَنْ ثَلَاثَةِ : عَنِ التَّائِمِ حَتَّىٰ يَسْتَقِطَ ، وَعَنِ الصَّبِيِّ حَتَّىٰ يُحَتَّلِمْ ، وَعَنِ
الْمَجْنُونِ حَتَّىٰ يَفْقَىٰ وَفِي رَوَايَةٍ " حَتَّىٰ يَعْقِلُ "

" Diangkatkan panel terhadap tiga golongan : orang yang tidur sehingga mereka sedar ; seorang kanak- kanak sehingga mereka ihtilam(baligh) dan ; orang gila sehingga mereka sembah ."⁶⁶

Berasaskan kepada kehujahan hadis di atas , Dr. 'Abd al-Karīm al-Zaydān telah mengemukakan satu pandangan bahawa di antara ciri- ciri penting yang menunjukkan seseorang itu telah baligh apabila masyarakat setempat boleh menerima terhadap pengucapan dan tindak- tanduknya .Penerimaan tersebut

⁶⁵ Muhammad Abū Zahrah (t.t.) , *Uṣūl al-Fiqh* , Kaherah : Dār al-Fikr al-'Arabī , h. 328.

⁶⁶ al-Imām al-Mujtahid al-'Allāmah Muhammad bin 'Ali al-Syawkānī (1996) , *Nayl al-Awtār . Kitāb al-Solāh , Bāb Amr al-Sahīyyi bi al-Solāh Tamrīn Lā Wujūh* , no hadith 416.

menunjukkan bahawa kesempurnaan seseorang individu adalah bergantung kepada sifat kesempurnaan akalnya .Oleh yang demikian , seseorang *mukallaf* itu mestilah mencukupi dua syarat yang utama iaitu baligh serta sejahtera akalnya yang diistilahkan oleh *fugahā'* sebagai *al-bāligh al-'āqil* .⁶⁷

Sebagai memenuhi dua syarat yang dinyatakan ini, para *fugahā'* telah mengemukakan alasan bahawa seseorang yang tidak waras fikirannya atau kanak- kanak yang tidak *mumayyiz* tidak boleh dihukumkan sebagai seorang *mukallaf* kerana mereka tidak berupaya untuk memahami *khitāb* Syāra' di atas jalan yang sempurna . Ketidakupayaan untuk memahami perintah Syāra' tersebut adalah jelas merujuk kepada sifat kekurangan akal mereka yang tidak memenuhi syarat- syarat *taklif*.⁶⁸

Oleh itu , para ulama' Usūl telah menjadikan akal fikiran yang sihat dan waras sebagai syarat asas *taklif* .Dengan kata lain, akal yang sihat sejahtera menjadi *wasīlah* bagi seseorang untuk memahami dan melaksanakan perintah- perintah Syāra' sebagai seorang *mukallaf* .Menurut al-Imām Abū Zahrah lagi fungsi akal bagi setiap *mukallaf* dapat dilihat melalui tiga aspek⁶⁹ :

1. Asas kepada *taklif* hukum Syāra' ialah akal kerana *taklif* merupakan suatu perintah daripada Allah S.W.T. Justeru , seseorang hamba tidak akan mampu memahami dan mejaksanakan perintah Syāra' melainkan dengan akal yang sempurna.

⁶⁷ 'Abd al-Karīm al-Zaydān (1993) , *op. cit.*, h. 101.

⁶⁸ Wahbah al- Zuhaylī (1986) , *Usūl Fiqh al-Islāmī* , j.1 , c. 1 , Damsyiq : Dār al-Fikr , h. 159.

⁶⁹ Muhammad Abū Zahrah (t.t.) , *op. cit.* , h. 328.

2. Sifat akal seseorang individu sentiasa tumbuh dan berkembang mengikut tabiat semulajadinya. Oleh itu , seseorang individu tidak akan sampai kepada had taklif melainkan apabila telah sempurna pertumbuhan akalnya.
3. Perkembangan dan pertumbuhan akal adalah suatu proses yang sangat kompleks dan tidak dapat dilihat dengan mata kasar . Namun demikian , tahap pertumbuhan akal seseorang boleh diukur dan dinilai berdasarkan kepada beberapa petunjuk dan di antaranya ialah baligh. Dengan demikian , baligh menjadi salah satu asas pengukuran terhadap kesempurnaan akal seseorang .

2.6.2 Baligh sebagai asas pentaklifan Hukum Syāra'.

Baligh menurut pengertian bahasa bermaksud sampai sementara menurut pengertian istilah Fiqh ialah habis tempoh atau berakhir masa kanak-kanak⁷⁰ Menurut Ibn al-Manzūr , kata dasar yang membawa erti baligh ialah *balagha* . Apabila kalimah ini disandarkan kepada kanak- kanak sama ada lelaki atau perempuan seperti kata seseorang ; *balagha al-ghulām* atau *balaghāt al-jāriyah* maka ia bererti kanak- kanak tersebut telah bermimpi atau mereka telah baligh.⁷¹

Dalam bahasa ‘Arab , perkataan baligh adalah merujuk kepada istilah *al-bulūgh* yang bererti suatu peringkat yang melepassi usia kanak- kanak dan ia berlangsung sehingga ke peringkat remaja . Pada ketika ini beberapa

⁷⁰ Sa'dī Abū Jayb (1988) ,*al-Qāmūs al-Fiqhī -Lughah wa Istilāh* , c. 2 .Damsyiq : Dār al-Fikr , h. 41.

⁷¹ Ibn Manzūr (1995) , *op. cit.*, j.1, h. 486.

perubahan penting telah pun berlaku kepada kanak-kanak tersebut sama ada dari aspek biologi atau fisiologi.⁷²

Di dalam al-Qur'ān , Allah S.W.T. menggunakan kalimah “*al-hulūm*” untuk menerangkan perihal kanak-kanak lelaki atau perempuan yang telah baligh . Ia disebut di dalam dua ayat di dalam Surah al-Nūr iaitu ayat 58 & 59.

Menurut jumhur *fūqahā'* , tanda- tanda baligh pada kanak- kanak lelaki dan perempuan boleh dikenal melalui lima tanda .Tiga tanda yang dikhususkan kepada kanak- kanak lelaki ialah bermimpi , tumbuh bulu dan baligh menurut kiraan umur manakala dua tanda yang hanya dikhususkan kepada kanak-kanak perempuan ialah datang haid dan mengandung.⁷³

Di sisi Mazhab Hanafi⁷⁴, mereka meletakkan dua tanda sebagai isyarat baligh pada kanak- kanak lelaki iaitu bermimpi dan keluar mani sementara bagi kanak- kanak perempuan ialah bermimpi , datang haid dan mengandung. Abū Hanīfah berpendapat sekiranya tidak terdapat tanda- tanda baligh seperti yang disebutkan di atas maka penentuan baligh hendaklah dibuat mengikut kiraan umur iaitu umur 18 tahun bagi kanak- kanak lelaki dan 17 tahun bagi kanak- kanak perempuan .

⁷² Antowan Ni'mah (2000) , *op. cit.* , h.116.

⁷³ al-Imām al-Hāfiẓ Abī al-Farj Ibn al-Jawzī (t.t.) , *Aḥkām al-Nisā'* , Beirut : Dār al - Jayb , h. 11.

⁷⁴ Sa'dī Abū Jayb (1988) , *op.cit.* , h. 43

Mazhab Hanbalī⁷⁵ pula berpendapat tiga tanda penting yang terdapat pada kanak-kanak lelaki dan perempuan ialah bermimpi , baligh setelah berusia 15 tahun dan tumbuh bulu yang tebal di sekitar *qubul*. Tetapi , dua tanda yang hanya dikhkususkan kepada kanak-kanak perempuan ialah datang haid dan mengandung.

Berdasarkan kepada penelitian kepada pendapat para *fuqahā'* di atas, kita dapat membuat suatu rumusan bahawa penentuan baligh kepada kanak-kanak lelaki dan perempuan boleh ditentukan melalui dua keadaan iaitu :

1. Baligh menurut tanda- tanda tabei.
2. Baligh menurut perkiraan dan penentuan usia .

2.6.3. Baligh menurut tanda- tanda tabei

Penentuan baligh menurut tanda- tanda tabei boleh dilakukan dengan melihat tanda – tanda khusus sama ada yang terdapat pada kanak – kanak lelaki atau kanak-kanak perempuan . Tanda- tanda tersebut ialah bermimpi , keluar mani , mengandung , datang haid dan tumbuh bulu di sekitar kemaluan.

Di sisi Mazhab Hanafī , mereka membahagikan tanda- tanda tersebut kepada dua kategori iaitu tanda- tanda yang khusus kepada kanak-kanak lelaki dan tanda- tanda yang khusus kepada kanak- kanak perempuan . Tanda-tanda baligh yang dikhkususkan kepada kanak- kanak lelaki ialah bermimpi

⁷⁵ *Ibid.*, h. 43

dan keluar mani sementara bagi kanak-kanak perempuan ialah mengandung dan datang haid.⁷⁶

Menurut al-Imām al-Syāfi‘ī tiga tanda yang dimiliki bersama antara kanak-kanak lelaki dan perempuan ialah bermimpi dan tumbuh bulu manakala dua tanda yang hanya dikhususkan kepada kanak-kanak perempuan ialah datang haid dan mengandung.⁷⁷

Jumhur *fuqahā'* berpendapat bahawa *ihtilām* merupakan sebahagian dari tanda-tanda baligh yang disepakati. Menurut mereka, had yang paling minima bagi kanak-kanak lelaki bermimpi ialah pada usia sepuluh tahun manakala bagi kanak-kanak perempuan ialah sembilan tahun.⁷⁸ Keterangan ini diambil berdasarkan kepada dalil-dalil al-Qur'ān dan al-Sunnah seperti yang berikut :

Pertama : Dalil al-Qur'ān ;

وَإِذَا بَلَغَ الْأَطْفَالُ مِنْكُمُ الْحُلُمَ فَلْيَسْتَأْذِنُوا

"Dan apabila kanak-kanak dari kalangan kamu telah baligh, maka hendaklah mereka meminta izin sama seperti cara orang-orang (yang telah cukup umur) yang tersebut dahulu "

al-Nūr (24) : 59

Menurut al-Imām al-Khatib al-Syarbīnī⁷⁹, perkataan *al-hulūm* di sini bermaksud *ihtilām*. *Ihtilām* dari sudut bahasa bermaksud sesuatu yang boleh

⁷⁶ Wahbah al-Zuhaylī (1989), *op. cit.*, j. 5, h. 423.

⁷⁷ al-Mawardi (1994), *op.cit.*, j. 6 , h. 343.

⁷⁸ *Ibid.*, h. 343.

⁷⁹ Syamsuddin Muhammad Ibn Ahmad al-Syarbīnī al-Khatib (1996), *al-Iqnā' fī hallī alfāz Abī Suyūd* , j. 1, c 1 . Beirut : Dār al-Khayr , h. 430.

dilihat oleh orang yang tidur sementara menurut istilah Fiqh ialah keluar mani semasa tidur , melalui *jimā'* atau sebagainya .

Kedua , Dalil – dalil al-Sunnah :

Pertama :

رُفِعَ الْقَلْمُ عَنْ ثَلَاثَةِ : عَنِ التَّالِمِ حَتَّى يَسْتَقِظَ ، وَعَنِ الصَّبِيِّ حَتَّى يُحْتَلِمَ ، وَعَنْ

الْمَحْتُونِ حَتَّى يَقِيقَ وَفِي رِوَايَةِ " حَتَّى يَعْقِلَ "

" Diangkatkan panel terhadap tiga golongan : orang yang tidur sehingga mereka sedar ; seorang kanak- kanak sehingga mereka ihtilam (baligh) dan ; orang gila sehingga mereka sembuh .⁸⁰

Kedua :

عَنْ عَلَى بْنِ أَبِي طَالِبٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : حَفِظْتُ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ (ص) : لَا

يُثْمَمْ بَعْدَ إِخْتَلَامٍ

" 'Alī b. Abī Talib berkata : Aku ingat apa yang disampaikan oleh Rasulullah S.A.W. iaitu Sabdanya yang berbunyi ; tidak ada keyatiman selepas bermimpi (baligh) "⁸¹

Adapun penentuan baligh dengan sebab tumbuh bulu disekitar kemaluan , terdapat pelbagai pandangan para *fuqahā'* tentang kedudukkannya sebagai tanda baligh . Sebahagian para *fuqahā'* berpendapat bahawa ia adalah

⁸⁰ al-Syawkānī (1996) , op. cit .. Kitāb al-Solāh , Bāb Amr al-Sabiyyi bi al-Solāh Tamrīn Lā Wujūb , no. hadith 416.

⁸¹ al-Imām Abī Tayyib Muhammad Syams al-Haq al-'Azīm Ābādī (1995) . 'Awn al-Ma'būd Syarh Abī Dāwud . Kitāb al-Wasāyā , Bāb Mā Jā'a matā Yanqati'u al-Yatīm , no. hadith 2870

dilihat oleh orang yang tidur sementara menurut istilah Fiqh ialah keluar mani semasa tidur , melalui *jimā'* atau sebagainya .

Kedua , Dalil – dalil al-Sunnah :

Pertama :

رُفِعَ الْقَلْمَنْ عَنْ تَلَائِهِ : عَنِ التَّاَمِ حَتَّى يَسْتَقِظَ ، وَعَنِ الصَّبِيِّ حَتَّى يُحْتَلِمْ ، وَعَنْ

"المَحْتُونِ حَتَّى يَقِيقَ وَفِي رِوَايَةٍ " حَتَّى يَعْقِلَ"

" Diangkatkan panel terhadap tiga golongan : orang yang tidur sehingga mereka sedar ; seorang kanak-kanak sehingga mereka ihtilam (baligh) dan ; orang gila sehingga mereka sembah .⁸⁰

Kedua :

عَنْ عَلَيِّ بْنِ أَبِي طَالِبٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : حَفِظْتُ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ (ص) : لَا

يُؤْمِنُ بَعْدَ إِعْتِلَامٍ

" 'Alī b. Abī Talib berkata : Aku ingat apa yang disampaikan oleh Rasulullah S.A.W. iaitu Sabdanya yang berbunyi ; tidak ada keyatiman selepas bermimpi (baligh) "⁸¹

Adapun penentuan baligh dengan sebab tumbuh bulu disekitar kemaluan , terdapat pelbagai pandangan para *fuqahā'* tentang kedudukannya sebagai tanda baligh . Sebahagian para *fuqahā'* berpendapat bahawa ia adalah

⁸⁰ al-Syawkānī (1996) , *op. cit.* .. Kitāb al-Solāh , Bāb Amr al-Sabiyyi bi al-Solāh Tamrīn Lā Wujūb , no. hadith 416.

⁸¹ al-Imām Abī Tayyib Muhammad Syams al-Haq al-'Azīm Ābādī (1995) , 'Awn al-Ma'būd Syarh Abī Dāwud . Kitāb al-Wasāyā , Bāb Mā Jā'a matā Yanqati'u al-Yatīm , no. hadith 2870

tanda baligh yang hanya dikhususkan kepada orang-orang orang-orang kafir sahaja.⁸² Pendapat ini adalah berdasarkan kepada sebuah hadis yang berikut :

روي عَطِيَّةُ الْقَرَاطِيُّ قَالَ : كُنْتُ مِنْ سَيِّدِ قُرْبَاتِهِ ، فَكَانُوا يُنْظَرُونَ مِنْ أَنْتَ الشَّعْرَ

فُلَّ وَمَنْ لَمْ يُنْتِبْ لَمْ يَعْلَمْ فَكُنْتُ فِي مَنْ لَمْ يُنْتِبْ قَالَ : فَكَشَفُوا عَانِتِي فَوَجَدُوهَا

لَمْ يُنْتِبْ فَجَعَلُونِي فِي السُّبْيِ .

" Atiyah meriwayatkan bahawa : Aku adalah diantara orang tawanan Bani Quraizah. (tiba-tiba tentera islam telah menggembur kedudukan kami) Sekiranya mereka mendapati ada orang- orang yang telah tumbuh bulu maka orang tersebut dibunuh dan mana-mana orang yang tidak tumbuh bulu dilepaskan . Pada waktu aku adalah di antara mereka yang tidak tumbuh bulu . Aku memberitahu : Mereka telah menyelidiki tentang keadaan ku lalu mereka mendapati bahawa aku tidak tumbuh bulu maka mereka membiarkan aku ".⁸³

Menurut al-Imām al-Nawawī⁸⁴, terdapat dua pendapat tentang perihal tumbuh bulu sebagai tanda baligh. Menurut pendapat al-Azhar⁸⁵, ia adalah tanda baligh bagi orang- orang Islam sementara menurut pendapat al-Asah⁸⁶ ia tidak menjadi tanda baligh bagi orang- orang Islam.

⁸² al-Imām Abī Zakariyyā Yahyā bin Syaraf al-Nawawī (t.t.), *Rawdah al-Tālibīn* , j.3 , Beirut : Dār al-Kutub al -'Ilmiyyah , h.412.

⁸³ al-Imām Abī Tayyib (1995) , *op . cit.*, Kitāb al-Hudūd , Bāb fi al-Ghulām Yūsūbū al- Hudūd , no. hadith 4394 .

⁸⁴ *Ibid.* , h. 412

⁸⁵ Pendapat al - Azhar ialah pendapat yang rajih di antara dua pendapat al-Imām al-Syāfi'i apabila berlaku khilaf dalam sesuatu masalah dan kedua- dua pendapat tersebut saling berpegang kepada dalil- dalil yang kuat.

⁸⁶ Pendapat al-Asah ialah hukum fiqh yang rajih di antara pendapat sahabat- sahabat al-Imām al-Syāfi'i ketika berlaku sesuatu khilaf dan di antara pendapat tersebut terdapat dalil- dalil yang kuat dan daiil- daiil yang zahir.

Di sisi Mazhab Hanafī , mereka berpendapat bahawa tumbuh bulu tidak termasuk sebagai tanda- tanda baligh kerana mereka berpegang kepada zahir nas yang berikut :

وَالَّذِينَ لَمْ يَتُلَقُوا الْحُلُمَ مِنْكُمْ

“ Dan orang- orang yang belum baligh dari antara kamu “

al-Nūr (24) : 58

Berdasarkan kepada zahir ayat ini , mereka berpendapat bahawa tidak terdapat dalil - dalil yang menunjukkan bahawa tumbuh bulu dianggap sebagai tanda - tanda baligh sekiranya seseorang itu tidak bermimpi⁸⁷ Menurut mereka lagi , penentuan baligh seseorang mestilah berdasarkan kepada *ihtilām* .Dengan demikian , mereka telah menolak perihal tumbuh bulu sebagai tanda – tanda baligh dan baligh dengan had umur 15 tahun .

Di samping itu , Abū Hanīfah sendiri berpegang kepada sebuah hadis Rasulullah S.A.W. yang berbunyi :

رُفِعَ الْقَلْمُ عَنِ الْثَّالِثِ : عَنِ التَّائِمِ حَتَّىٰ يَسْتِيقِطُ ، وَعَنِ الصَّبِيِّ حَتَّىٰ يُحَتَّلِمُ ، وَعَنْ

الْمَحْتُونِ حَتَّىٰ يَفْقَعَ وَفِي رَوَايَةٍ " حَتَّىٰ يَعْقِلُ "

⁸⁷ Wahbah al-Zuhaylī (1991) , *Tafsīr al-Munīr* , j.18 , c.1 . Damsyiq : Dār al-Fikr , h. 296.

"Diangkatkan panel terhadap tiga golongan : orang yang tidur sehingga mereka sedar ; seorang kanak-kanak sehingga mereka ihtilam (baligh) dan ; orang gila sehingga mereka sembuh ."⁸⁸

Berdasarkan kepada hadis di atas , Abū Hanifah berpendapat petikan hadis yang berbunyi *al-sabiyyi hattā yahtalima* menjadi dalil bahawa *ihtilām* sahaja yang diterima sebagai tanda- tanda baligh yang sah.

Sesetengah ulama' yang lain seperti al- Syāfi'i⁸⁹ melihat bahawa tumbuh bulu juga adalah di antara tanda - tanda baligh kerana ia berdasarkan kepada keterangan sebuah hadis yang berikut :

وَعَنْ عَطِيَّةَ قَالَ : عُرِضَنَا عَلَى النَّبِيِّ (ص) يَوْمَ فُرِيزَةَ ، فَكَانَ مَنْ أَتَيْتَ قُتْلًا ،

وَمَنْ لَمْ يُبْتَحَلِي سَيْلَةً ، فَكُنْتُ مِنْ لَمْ يُبْتَحَ فَخَلَى سَيْلَيِّنِي ٌ

"Atiyah meriwayatkan : Adalah kami menyertai Rasulullah S.A.W. untuk menggempur Bani Quraizah. Maka didapati mana-mana orang di antara mereka yang telah tumbuh bulu diburnih dan orang-orang yang tidak tumbuh bulu dibiarkan .Dan adalah aku pada ketika itu termasuk di kalangan mereka yang tidak tumbuh bulu maka aku dilepaskan ".⁹⁰

Pendapat al-Imām al-Syāfi'i ini diperkuatkan oleh hujah yang dibawa oleh al-Hādawiyah yang berpendapat bahawa tumbuh bulu juga adalah

⁸⁸ al-Sywakānī (1996) , *op. cit.* , Kitāb al-Solāh , Bāb Amr al-Sabiyyi bi al-Solāh Tamrīn Lā Wujūb , no. hadith 416 .

⁸⁹ Wahbah al-Zuhaylī (1991) , *op. cit.* , j. 18 , h. 296 .

⁹⁰ al-Imām Abī Tayyib (1995) , *op. cit.* , Kitāb al-Hudūd . Bāb fi al-Ghulām Yusību al- Hudūd , no. hadith 4393 .

sebahagian daripada tanda-tanda baligh⁹¹. Mereka berhujah dengan hadis yang berikut :

وَعَنْ عَطِيلَةَ قَالَ : عُرْضَنَا عَلَى النَّبِيِّ (ص) يَوْمَ قُرْيَةَ ، فَكَانَ مَنْ أَتَيَتْ قُلْ ، وَمَنْ

لَمْ يُتْبَعْ خَلَى سَبِيلَةَ ، وَكُنْتُ مِنْ لَمْ يُتْبَعْ فَخَلَى سَبِيلِيٍّ

" Atiyah meriwayatkan : Adalah kami menyertai Rasulullah S.A.W. untuk menggempur Bani Quraizah. Maka didapati mana-mana orang di antara mereka yang telah tumbuh bulu dibunuh dan orang-orang yang tidak tumbuh bulu dibiarkan .Dan adalah aku pada ketika itu termasuk di kalangan mereka yang tidak tumbuh bulu maka aku dilepaskan ".⁹²

Bagi kanak-kanak perempuan , tanda-tanda yang menunjukkan seseorang perempuan itu baligh ialah dengan kedatangan haid dan mengandung . Para *fuqahā'* berpendapat bahawa kedatangan haid menjadi salah satu sebab kepada baligh seseorang wanita⁹³. Hal ini adalah berdasarkan kepada keterangan Rasulullah S.A.W sebagaimana yang diriwayatkan di dalam hadis yang berikut :

⁹¹ al-Syawkānī (1996) , *op. cit.* , j. 3 , h. 280.

⁹² al-Syawkānī (1996) , *op. cit.* , Kitāb al-Taflīs , Bāb 'Alāmāt al-Bulūgh , no. hadith 3319 .

⁹³ al-Mawardi (1994) , *op.cit.* , j. 6 , h. 347.

عن عائشة : أَنَّ أَسْمَاءَ بِنْتَ أَبِي بَكْرٍ دَخَلَتْ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ (ص) وَعَلَيْهَا

تِبَابُ رِفَاقٍ ، فَأَعْرَضَ عَنْهَا رَسُولُ اللَّهِ (ص) وَقَالَ : يَا أَسْمَاءَ إِنَّ الْمَرْأَةَ إِذَا

بَلَغَتِ الْعِجْضَ لَمْ يَصْنُعْ لَهَا أَنْ يُرَى مِنْهَا إِلَّا هَذَا ، وَأَشَارَ إِلَيْهِ وَكَفَيْهِ

Dari A'isyah bahawa beliau meriwayatkan ; bahwasanya Asma' binti Abi Bakr telah menghadap Rasulullah S.A.W. dan pada ketika itu dia memakai pakaian yang nipis lalu Rasulullah S.A.W. berpaling darinya lalu Baginda S.A.W. berkata ; Wahai Asma' ! Sesungguhnya seorang wanita apabila telah sampai haid maka tidak boleh lagi bagi seseorang (lelaki yang bukan mahram) melihat sesuatu kepadanya melainkan ini dan ini , Baginda S.A.W. menunjukkan isyarat kepada muka dan kedua tapak tangannya .”⁹⁴

Berdasarkan kepada pertunjuk di dalam hadis di atas , didapati kedatangan haid menjadi sebab larangan terhadap mana - mana lelaki yang bukan mahram melihat kepada anggota badan wanita asing selain dari muka dan kedua tapak tangannya . Asas larangan di sini adalah kerana kedudukan wanita tersebut yang telah baligh dan salah satu dari tanda- tanda baligh bagi seseorang wanita ialah datang haid.

Adapun mengandung sebagai tanda baligh , para *fuqahā'* berpendapat ia bukanlah tanda baligh yang hakiki tetapi sebagai tanda permulaan kepada baligh ⁹⁵. Pendapat ini adalah berasaskan kepada nas al-Qur'an seperti yang berikut :

⁹⁴ al-Imām Abī Tayyib (1995) , *op . cit.*, Kitāb al-Libās , Bāb Fī mā Tabdī al-Mar'ah min al-Zinah , no. hadith 4094 .

⁹⁵ *Ibid.* , h.347.

إِنَّا خَلَقْنَاهُ مِنْ نُطْفَةٍ أَمْسَاكَجْ تَبَلِّيهِ

" Sesungguhnya kami telah aturkan cara mencipta manusia bermulanya dari air mani yang bercampur (dari pati benih lelaki dan perempuan) sambil kami tetap mengujinya (dengan kewajipan- kewajipan)."

al-*Insān* (76) : 2

Di dalam ayat di atas , Allah S.W.T. menjelaskan tentang perihal kejadian manusia yang diciptakan dari campuran air mani lelaki dan perempuan. Percampuran air mani terhasil dengan sebab berlakunya pemancutan air mani di antara lelaki dan perempuan ketika proses persenyawaan benih. Pemancutan air mani dari seseorang wanita menjadi salah satu unsur yang membawa kepada sebab kehamilan wanita . Dengan demikian , pemancutan air mani perempuan menjadi dalil yang sah bahawa mengandung adalah tanda – tanda permulaan baligh bagi seseorang wanita ⁹⁶

2.6.4. Baligh menurut kiraan umur

Penentuan baligh menurut kiraan umur dilakukan apabila tidak terdapat tanda- tanda baligh secara semula jadi bagi kanak- kanak lelaki atau perempuan. Secara umumnya, kebanyakan para *fuqahā'* berpendapat bahawa seseorang kanak – kanak sama ada lelaki atau perempuan apabila mereka berusia 15 tahun mereka dihukumkan sebagai seorang yang baligh . Tempoh ini dikenali sebagai *sin al-murāhiqah* atau masa awal remaja⁹⁷.

⁹⁶ Wahbah al- Zuhayli (1989) , *op. cit* . j. 5 , h. 423.

⁹⁷ *Ibid* ., h. 423.

Walau bagaimana pun , para *fugahā'* telah berselisih pendapat di kalangan mereka di dalam menentukan had umur yang sebenar sebagai umur baligh .

Menurut Mazhab Hanafi dan Mālikī , had umur yang ditentukan sebagai umur baligh ialah 18 tahun bagi kanak-kanak lelaki sementara bagi kanak-kanak perempuan ialah umur 17 tahun ⁹⁸. Mereka berpegang kepada nas-nas yang menunjukkan perkara yang demikian iaitu dalil al-Qur'ān dan al-Sunnah sebagaimana yang berikut :

Pertama : Dalil al-Quran

وَإِذَا بَلَغُ الْأَطْفَالُ مِنْكُمُ الْحُلُمَ فَلْيَسْتَأْذِنُوا

" Dan apabila kanak-kanak dari kalangan kamu telah baligh, maka hendaklah mereka meminta izin sama seperti cara orang-orang (yang telah cukup umur) yang tersebut dahulu "

al-Nūr (24) : 59

Kedua : Dalil al-Sunnah

رُفِعَ الْقَلْمَ عَنْ ثَلَاثَةِ : عَنِ التَّائِمِ حَتَّى يَسْتَقِظَ ، وَعَنِ الصَّبِيِّ حَتَّى يُحَلِّمَ ، وَعَنْ

" الْجَنْتُونِ حَتَّى يَفِيقَ وَفِي رَوَايَةِ " حَتَّى يَقِلَّ "

⁹⁸ al-Mawardi (1994) . op.cit. , j. 6 , h. 344.

“Diangkatkan panel terhadap tiga golongan : orang yang tidak berumur sehingga mereka sedar ; seorang kanak-kanak sehingga mereka belum berumur (baligh) dan ; orang gila sehingga mereka sembuh.”⁹⁹

Menurut mereka , jika had umur ini telah disepakati oleh *fujahā’* maka umur yang lain selain dari umur yang ditetapkan ini adalah tidak diterima dan ditolak sama sekali .

al-Imām al-Awzā‘ī , al-Syāfi‘ī dan Ibn Hanbal pula berpendapat , had umur yang ditentukan sebagai umur baligh ialah 15 tahun apabila seseorang kanak-kanak tidak bermimpi . Pada ketika ini mereka telah pun diwajibkan dengan segala kefarduan dan hukuman had (*hudūd*)¹⁰⁰. Mereka telah berdalil dengan Hadis Ibn ‘Umar seperti yang diriwayatkan dalam hadis yang berikut :

عَرِضْتُ عَلَى النَّبِيِّ (ص) عَامَ أَحَدٍ وَأَنَا ابْنُ أَرْبَعَ عَشْرَةَ فَلَمْ يُجِزِّنِي وَلَمْ يَرِنِي

بَلَغْتُ وَعَرِضْتُ عَلَيْهِ عَامَ الْخَنْدَقِ وَأَنَا ابْنُ خَمْسَ عَشْرَةَ سَنَةً ، فَأَجَابَ رَبِّنِي

“Adalah aku telah menemui Rasulullah S.A.W. untuk menyertai perang Uhud dan ketika itu aku baru berusia 14 tahun maka baginda S.A.W. telah menolak permintaan aku kerana Baginda S.A.W. melihat bahawa aku belum baligh. Aku menemui semula Rasulullah S.A.W. untuk menyertai perang Khandak dan pada ketika itu aku berumur 15 tahun. Lalu Rasulullah S.A.W. membenarkan aku untuk menyertai perang tersebut.”¹⁰¹

⁹⁹ al-Syawkānī (1996) , *op. cit.* , Kitāb al-Solāh , Bāb Amr al-Sabiyyi bi al-Solāh Tamrīn Lā Wujūb , no. hadith 416 .

¹⁰⁰ al-Imām Abū ‘Abd Allāh Muhammad bin Ahmad al-Ansārī al-Qurtubī (1993) , *al-Jāmi‘ Li Akhāk al-Qur’ān* , j. 3 , Beirut : Dār al-Kutub al-Ilmiyyah , h. 25 .

¹⁰¹ al-Syawkānī (1996) , *op. cit.* , Kitāb al-Tafsīr , Bab ‘Alāmāt al-Bulūgh , no. hadith 3318

Berasaskan kepada hadis di atas dapat dibuat dua asas penghujahan bahawa had umur baligh bagi seseorang kanak-kanak ialah 15 tahun.

Pertama ; Rasulullah S.A.W. menolak permintaan Ibn Umar untuk menyertai perang Uhud ketika umurnya 14 tahun kerana didapati beliau belum baligh¹⁰² sementara Rasulullah S.A.W. menerima semula dalam perang khandak kerana beliau berumur 15 tahun dan umur ini telah dianggap sebagai umur orang yang baligh .

Kedua ; Rasulullah S.A.W. membenarkan beliau dan sahabat-sahabat yang lain menyertai perang ketika berusia 15 tahun yang menunjukkan bahawa had umur ini telah dipersetujui sebagai umur baligh. Asas ini diperkuatkan dengan hujjah yang lain apabila Khalifah 'Umar b. 'Abd. 'Azīz telah mengarahkan panglima – panglima tenteranya supaya menjadikan had umur ini sebagai perantara untuk membezakan di antara dua kelompok iaitu golongan *al-dhariyyah* dan *al-muqātalah*¹⁰³.

Selain itu , al-Imām al-Syawkānī menambah bahawa hadis ini menjadi dalil yang kuat bahawa kanak-kanak lelaki dan perempuan yang telah berumur 15 tahun dari tarikh hari lahirnya dianggap sebagai seorang yang baligh¹⁰⁴

¹⁰² Syamsuddīn bin Muhammad al-Khatīb al-Syarbīnī (1994) , *Mughnī al-Muhtāj* , j.3 , c.1. Beirut : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah , h.133.

¹⁰³ al-Mawardī (1994) . op.cit.j. 6 , h. 345

¹⁰⁴ al-Syawkānī (1996) . op. cit .j. 3 , h. 280.

Menurut Mazhab al-Syāfi'i juga , had umur 15 tahun ini hendaklah menurut kiraan tahun *qamariyyah*¹⁰⁵. Pendapat ini berasaskan kepada sebuah Hadis Rasulullah S.A.W. yang berbunyi¹⁰⁶:

عُرِضْتُ عَلَى النَّبِيِّ (ص) عَامَ أَحَدٍ وَأَنَا أَنْبِئُكُمْ عَشَرَةً فَلَمْ يُجِزِّنِي وَلَمْ يَرِنِي

بَلَغْتُ وَعُرِضْتُ عَلَيْهِ عَامَ الْخَنْدَقِ وَأَنَا أَنْبِئُكُمْ خَمْسَ عَشَرَةَ سَنَةً ، فَأَجَابَ رَبِّي

"Adalah aku telah menemui Rasulullah S.A.W. untuk menyertai peperangan Uhud dan ketika itu aku baru berusia 14 tahun maka baginda S.A.W. telah menolak permintaan aku kerana Baginda S.A.W. melihat bahawa aku belum baligh. Aku menemui semula Rasulullah S.A.W. untuk menyertai peperangan Khandak dan pada ketika itu aku berumur 15 tahun. Lalu Rasulullah S.A.W. membenarkan aku untuk menyertai peperangan tersebut ." ¹⁰⁷

2.6.5 Kesimpulan

Perbincangan mengenai remaja dari aspek hukum Islam membahaskan tentang satu persoalan penting yang berkaitan dengan remaja iaitu tentang status diri mereka sebagai seorang *mukallaf*.

Secara umumnya , para *fuqahā'* telah berpendapat bahawa masa remaja merupakan tempoh permulaan untuk mereka melaksanakan tanggungjawab sebagai individu muslim yang *mukallaf*. Asas pengambilkiraan mereka sebagai seorang *mukallaf* adalah berdasarkan beberapa aspek seperti

¹⁰⁵ Wahbah al-Zuhayrī (1989) , *op. cit.* , j. 5 , h. 423.

¹⁰⁶ al-Nawawī (t.t.) , *op. cit.* , j. 3 , h. 411.

¹⁰⁷ al-Syawkānī (1996) , *op. cit.* . Kitāb al-Taftīs , Bāb 'Alāmāt al-Bulūgh , no. hadith 3318 .

yang telah ditunjukkan oleh para *fugahā'*. Di antara aspek tersebut ialah perbincangan tentang kedudukan baligh sebagai tanda - tanda *mukallaf* bagi seseorang remaja Islam.

Dari aspek psikologi , baligh dianggap sebagai tanda- tanda permulaan bagi seseorang kanak- kanak memasuki alam remaja . Ia dianggap sebagai suatu tahap pengembangan psikologi yang berlaku pada setiap kanak- kanak lelaki dan perempuan iaitu suatu keadaan apabila kanak- kanak lelaki menunjukkan sifat- sifat kelakiannya dan kanak- kanak perempuan menunjukkan sifat- sifat kewanitaannya .

Adapun baligh menurut perspektif hukum Islam dibincangkan sebagai suatu pertunjuk dan dalil bahawa seseorang kanak- kanak sama ada lelaki atau perempuan telah menjangkau kepada suatu peringkat yang disebut sebagai '*āqil* - *bāligh* . '*Āqil* - *bāligh* menandakan dengan jelas bahawa kanak- kanak tersebut telah menjadi seorang *mukallaf* dan dengan itu mereka terikat untuk mengerjakan segala perintah- perintah Syāra' sebagaimana yang telah *ditaklifkan* kepada mereka .

Menurut para *fugahā'* , baligh dijadikan sebagai asas pentaklifan hukum Syāra' kerana ia menjadi ukuran terhadap kesempurnaan akal seseorang . Akal yang sihat dan sempurna pula menjadi syarat asas *taklif* kerana ia berfungsi sebagai *wasīlah* untuk memahami dan melaksanakan setiap perintah Syāra'. Persoalan ini telah dibincangkan secara khusus oleh *fugahā'* di dalam permasalahan *al-Mahkūm 'Alayh* .

Oleh kerana akal waras dan sempurna dianggap sebagai syarat asas taklif maka para *fuqahā'* telah mengecualikan orang- orang yang tidak sempurna akal dan pemikiran seperti orang gila dan kanak- kanak yang tidak *mumayyiz* dari mengerjakan perintah Syāra' kerana mereka tidak memenuhi salah satu syarat- syarat *taklif* yang telah ditentukan itu.

Secara khususnya , para *fuqahā'* telah meletakkan beberapa pertunjuk untuk mengenali tanda – tanda baligh yang dialami oleh setiap remaja .Tanda – tanda tersebut dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu tanda – tanda baligh secara tabei dan baligh dengan penetuan had umur. Tanda- tanda baligh secara tabei ialah seperti bermimpi , datang haid , mengandung dan tumbuh bulu di sekitar kemaluan sementara baligh dengan penentuan had umur ialah umur 15 , 17 atau 18 tahun . Umur- umur ini adalah had umur yang telah ditentukan oleh para *fuqahā'* sebagai umur baligh.

Jika diteliti terhadap tanda – tanda baligh seperti yang disebutkan itu , didapati bahawa setiap remaja Islam sama ada lelaki atau perempuan telah pun mengalami tanda – tanda baligh sama ada baligh dengan tanda – tanda tabei atau baligh menurut had umur .

Meskipun berlaku *khilāf* di kalangan para *fuqahā'* di dalam menentukan tahap kesahihan setiap tanda baligh tersebut namun *khilāf* tersebut tidaklah menimbulkan apa- apa kerumitan dan halangan untuk dijadikan sebagai landasan dan kayu ukur dalam menentukan tahap baligh seseorang remaja Islam kerana apa yang pasti setiap kanak- kanak yang memasuki alam

remaja mereka akan mengalami tanda- tanda baligh sama ada secara tabei atau baligh dengan kiraan had umur.

Secara umumnya , didapati bahawa perbincangan para *fuqahā'* tentang kedudukan remaja dari aspek hukum Islam telah memberikan kita suatu konsep yang jelas bahawa setiap remaja Islam adalah seorang *mukallaf* kerana mereka telah memenuhi syarat - syarat *taklif* . Justeru , menjadi kewajipan ke atas mereka untuk melaksanakan setiap perintah Syāra' seperti mendirikan solat , berpuasa , mengeluarkan zakat serta menunaikan haji.